

# KEBERKESANAN TJPSP@SPS BAGI MENINGKATKAN PENYAMPAIAN IDEA SERTA PANDANGAN SECARA TERSUSUN DALAM PERBUALAN BERDASARKAN GAMBAR

**Rozanah Hj Kasnan**  
St.Patrick's School  
Pusat Bahasa Melayu Singapura  
13 Bishan Street 11, Singapore 579782  
[rozanah\\_kasnan@moe.edu.sg](mailto:rozanah_kasnan@moe.edu.sg)

## ABSTRAK

Singapura sebagai sebuah negara kosmopolitan, senantiasa menggalak dan mempersiapkan setiap warganya untuk terus mempertingkatkan pengetahuan agar dapat kekal relevan dan berdaya saing demi menghadapi cabaran masa hadapan termasuklah dalam penguasaan bahasa bagi tujuan berkomunikasi. Fokus kertas kerja ini ialah penguasaan bahasa Melayu, khususnya dalam kemahiran lisan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kemahiran lisan merupakan kemahiran asas bagi penguasaan bahasa. Dewasa ini, para pelajar didapati kurang menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Hal ini berlaku akibat kurangnya penguasaan kosa kata bahasa Melayu dan, terdapatnya persepsi bahawa bahasa Melayu tidak sepenting bahasa Inggeris. Justeru, pelajar mengalami masalah menyampaikan idea serta pandangan secara tersusun dengan menggunakan bahasa yang baik dan berkesan. Kajian yang dibentangkan ini menilai keberkesanan TJPSP@SPS dalam mempertingkatkan kemahiran lisan pelajar. Pendekatan yang digunakan ini menggunakan kaedah 'chunking' bagi membantu pelajar bertutur dengan menyampaikan idea dan pandangan dengan mudah dan berstruktur. Perkara ini penting bagi membantu pelajar menjana idea dan memberikan pandangan semasa perbincangan berdasarkan gambar. Dalam masa yang sama, penekanan juga diberikan kepada aspek kesantunan berbahasa dalam perbualan bagi mengasah kemahiran lisan yang berkesan. Dapatan kajian yang dijalankan setelah pelaksanaan penggunaan kaedah di atas, membuktikan bahawa pelajar kini lebih yakin dalam menyampaikan idea dan pandangan secara menyeluruh. Luahan idea yang dicerna ternyata lebih tersusun dan sistematik. Kaedah 'chunking' terbukti berkesan dalam membantu pelajar mengingat informasi yang penting yang diperlukan dalam komunikasi lisan yang berkesan. Bilangan pelajar yang mendapat kepujian dalam peperiksaan lisan bagi pelajar Menengah 2 Ekspres meningkat sebanyak 30% dan 23.1% untuk pelajar Menengah 2 Normal Akademik.

**Kata Kunci:** *Akronim, Kemahiran Lisan, Menjana idea, Perbualan*

## 1. PENGENALAN

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa ibunda kaum Melayu merupakan bahasa yang penting dalam bidang pendidikan di Singapura. Dasar pendidikan Singapura yang berpegang kepada prinsip untuk melahirkan pelajar dwibahasa yang efektif, telah menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran wajib dalam kurikulum sekolah. Namun, pelajar yang terdiri daripada generasi muda kurang motivasi untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu akibat persepsi yang sering menganggap bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa yang lebih penting dan harus dikuasai oleh semua. Bahasa Inggeris adalah bahasa kerja yang utama. Subjek-subjek penting seperti subjek Sains dan

Teknologi diajar dan dipelajari dalam bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris juga telah memberikan kelebihan dalam perdagangan, pelaburan dan pembelajaran kemahiran baharu.

Wujudnya persepsi sebegini telah menyebabkan penggunaan bahasa Melayu semakin meruncing di Singapura. Perkara ini dapat dilihat daripada penggunaan bahasa dalam komunikasi harian pelajar Melayu di Singapura. Pelajar Melayu lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian. Ramai yang tidak menyedari bahawa menerusi bahasa, para anggota masyarakat telah mempelajari tentang nilai-nilai serta warisan budaya sesebuah masyarakat. Menurut Muhammad Ariff Ahmad, bahasa Melayu rapat hubungannya dengan tata tertib, sopan santun dan adat resam. Falsafah bahasa bagi orang-orang Melayu adalah kultural. Wacana dalam bahasa Melayu bukan sahaja membawa makna leksikal, bahkan ia membawa makna kultural. Apabila seseorang itu melafazkan wacana 'tidak tahu bahasa', ia tidak bermakna tidak tahu akan bahasa, tetapi membawa makna tidak tahu aturan; tidak tahu adat; tidak terpelajar; jahil; biadab atau kurang ajar (1993: 243).

Oleh itu, sudah menjadi tugas dan tanggungjawab seorang guru bahasa Melayu menghasilkan pelajar yang 'tahu bahasa' sekali gus menjadikan bahasa Melayu kekal relevan dan tidak mati ditelan zaman. Guru harus memainkan peranan penting untuk menanam minat serta cintakan bahasa dalam diri pelajar. Guru harus aktif dan kreatif memikirkan pendekatan serta teknik yang mudah agar dapat menarik pelajar untuk mencintai bahasa Melayu dan mengubah persepsi yang telah ada dalam diri pelajar.

Justeru, kemahiran bertutur merupakan kemahiran asas berbahasa yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar. Dengan penekanan komponen lisan dalam peperiksaan peringkat nasional, kemahiran bertutur yang berkesan dalam kalangan pelajar Melayu merupakan salah satu keprihatinan yang harus ditangani dengan baik.

Bermula pada tahun 2012, perbualan berdasarkan gambar merupakan komponen tambahan pada peperiksaan lisan bahasa ibunda di peringkat 'O' dan 'N'. Komponen ini akan membentuk 5% penambahan dalam jumlah keseluruhan. Dengan penambahan ini, peperiksaan lisan merupakan salah satu komponen penting bagi menentukan gred pelajar secara keseluruhan dalam bahasa ibunda. Adanya komponen perbualan berdasarkan gambar dan perbualan berdasarkan topik, para pelajar kini menghadapi lebih banyak kesukaran dan tekanan. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam membantu dan memastikan pelajar bersiap-sedia untuk menduduki peperiksaan lisan. Dalam masa yang sama, guru dapat memantau tahap penggunaan kosa kata yang betul serta penguasaan bahasa baku yang mantap.

Pakej lisan yang dibina ini diharap dapat membantu meningkatkan lagi kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Pakej yang diberi nama TJPS@SPS dibina untuk membantu pelajar bagi komponen perbualan berdasarkan gambar. Teknik akronim ini dipercayai dapat membantu pelajar untuk mengklasifikasi dan menyusun idea dengan baik lagi berkesan.

## **2. TUJUAN KAJIAN**

Pengajaran lisan penting bagi memastikan pencapaian pelajar bersifat holistik. Ini bermakna pelajar dapat kuasai kedua-dua kemahiran menulis dan bertutur. Oleh itu, peperiksaan lisan telah dijadikan sebagai salah satu komponen wajib peperiksaan.

Setiap guru mempunyai teknik dan kaedah yang tersendiri untuk mengajar kemahiran bertutur. Di Sekolah St. Patrick's, Unit Bahasa Melayu telah mengambil pendekatan baharu iaitu merancang dan melakarkan kaedah dan teknik yang sama supaya pelajar tidak akan keliru apabila pertukaran guru berlaku dari tahun ke tahun sebelum menduduki peperiksaan genting. Pelajar dapat mengaplikasikan teknik yang sama semasa ujian lisan dijalankan. Pakej ini bukan sahaja dapat membantu pelajar, malah memudahkan tugas guru dari segi pengujian dan pemarkahan.

Kajian ini bertujuan untuk:

1. mengaplikasikan teknik TJPSP@SPS dalam pengajaran lisan di dalam setiap kelas bahasa Melayu
2. menilai keberkesanan teknik akronim dalam menjana, mengklasifikasi serta menyusun idea dalam perbualan berdasarkan gambar
3. melihat serta mengesan keberkesanan TJPSP@SPS dalam menghuraikan idea sekaligus mempertingkatkan kemahiran bertutur pelajar

### **3. PERMASALAHAN KAJIAN**

Pelajar telah didedahkan kepada pelbagai kaedah mempelajari lisan yang telah terbukti meninggalkan kesan yang menggalakkan dalam pembelajaran lisan berbanding dengan pengajaran secara tradisonal. Kaedah yang digunakan seperti melakarkan peta minda berdasarkan topik yang diberi secara kumpulan berjaya menghasilkan perbincangan yang bernas, yang pelajar kemudiannya bentangkan di hadapan kelas. Selain itu, menerusi Mod Alternatif Pengajaran (AMOA – *Alternative Mode of Assessment*), pelajar dikehendaki berpidato secara spontan di depan kelas setelah menerima tajuk yang diberikan. Kaedah-kaedah ini semua telah membolehkan pelajar untuk sedikit-sebanyak meraih pengalaman dalam bertutur secara spontan dan tetap berhemah berdasarkan topik yang diberi.

Dengan adanya komponen baharu dalam peperiksaan lisan yang bermula pada 2012, pelajar perlu didedahkan kepada Perbualan Berdasarkan Gambar. Pelajar pernah menjalani peperiksaan lisan sedemikian sewaktu di sekolah rendah. Akan tetapi, peperiksaan lisan di sekolah rendah amat berbeza dengan peperiksaan lisan yang dijalankan di peringkat sekolah menengah. Pelajar sering keliru dalam membezakan tahap pemikiran yang harus dipancarkan semasa menjawab soalan. Pelajar belum berupaya membuat kesimpulan umum, menyusun dan mengaitkan maklumat dengan pengetahuan sedia ada mereka. Menurut penilaian guru, pelajar didapati gagal menyampaikan idea secara matang mengenai situasi yang mungkin berlaku sebelum dan sesudah berdasarkan gambar lisan tersebut.

Teknik TJPSP@SPS dapat membantu pelajar membuat generalisasi, menyusun idea secara teratur, mendapatkan buah fikiran yang matang serta membuat penilaian secara kritis akan situasi yang diberikan dengan meramalkan kemungkinan yang berlaku 'sebelum' dan 'sesudah' situasi yang digambarkan itu. Guru menyaran bantuan menerusi teknik ini yang berupa memberi petunjuk, peringatan dan dorongan, serta menghuraikan situasi yang digambarkan ke dalam bentuk lain. Ini membolehkan pelajar menjadi lebih berdikari. Pelajar mampu mengembangkan idea dengan lebih jelas, tersusun dan menarik. Dengan menggunakan teknik TJPSP@SPS, secara tidak langsung, kelancaran, kefasihan, keyakinan dan kecekapan pelajar bertutur akan turut meningkat.

#### 4. KAJIAN LEPAS

Dalam mempersiapkan pelajar dengan kecekapan abad ke-21, penerapan nilai menjadi teras dalam pendidikan. Nilai menentukan watak seseorang. Nilai juga membentuk kepercayaan, sikap dan tindakan seseorang. Hal ini ditekankan dalam kerangka Kementerian Pendidikan Abad ke-21. Antara hasil yang ingin dikecapi menerusi rangka kerja MOE ialah untuk pelajar menjadi seseorang yang lebih konfiden, dapat berfikir secara matang, berdikari dan berkomunikasi dengan efektif. Pelajar akan dibimbing tentang kaedah meningkatkan kemahiran bertutur. Terdapat pelbagai cara yang diutarakan seperti mencatat nota dan mengenalpasti aspek-aspek penting berdasarkan topik yang diberikan seperti yang ditekankan oleh Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo (2010).

Selain itu, pelajar juga akan diberi pendedahan pada kaedah membuat pembentangan secara individu. Ini bagi memastikan pelajar dapat berbual dan menyampaikan idea-idea autentik dalam ayat yang lengkap dan mewajarkan pendapat pelajar dalam sesebuah topik. Hal ini menurut Sue Palmer (2011) boleh membantu pelajar bertutur dengan lebih berkesan.

Sebelum ini, dalam menyampaikan isi perbualan, pelajar didapati tidak dapat bertutur dengan baik kerana kekurangan isi atau idea. Ada pelajar didapati sukar atau terlupa isi atau idea penting yang boleh disampaikan semasa berbual. Menurut Muslizaira Mustapha (2011), pengajaran akronim membolehkan seseorang pelajar itu mudah menghafal maklumat-maklumat penting dalam satu subjek. Bagi tujuan membantu pelajar bertutur dengan lancar dan berkesan, kaedah akronim ini diperkenalkan dan diharapkan pelajar mudah memahami dan mengaplikasikan teknik TJPSP@SPS semasa menduduki peperiksaan lisan Perbualan berdasarkan Gambar.

#### 5. KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian menerapkan beberapa pendekatan khusus yang termasuk beberapa peringkat iaitu pemerhatian awal, perancangan dan pengumpulan data, dan pelaksanaan serta tindakan susulan. Selain itu, projek berinovasi ini turut mengambil kira penerapan *ICT, 21st Century Skills* (Kecekapan Abad ke-21) serta *Understanding by Design* (UBD) agar menepati ciri-ciri pembelajaran yang menjadi sebahagian daripada dasar pengajaran dan pembelajaran pihak Kementerian Pendidikan Singapura.

Guru telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kerja lapangan untuk mendapatkan data. Guru juga telah menggunakan kaedah pemerhatian, temubual secara tidak berstruktur, soal selidik yang berstruktur serta rekod pencapaian pelajar bagi komponen lisan.

##### 5.1 Subjek Kajian

Sampel pelajar terdiri daripada 20 orang pelajar Menengah 3 Ekspres. Kesemua pelajar bahasa Melayu ini telah didedahkan dengan penggunaan bahasa Melayu sama ada secara tidak formal sewaktu di rumah mahupun secara formal semasa di sekolah, semenjak dalam peringkat sekolah rendah lagi. Pada awal tahun 2013, para pelajar ini telah didedahkan kepada komponen lisan yang baharu, iaitu perbualan berdasarkan gambar. Pelajar diminta meneliti gambar yang diberikan guru untuk menjana idea-idea yang bernas. Dengan menggunakan kaedah lakaran peta minda semasa menjalani ujian AMOA, pelajar mencatatkan fakta-fakta berkaitan dengan gambar yang diberikan. Pelajar akan dinilai berdasarkan lakaran peta minda mereka. Guru mendapati bahawa penerangan pelajar

mengenai gambar yang diberikan agak terhad dan kurang jelas. Ada di antara pelajar yang tidak dapat mengembangkan idea dan penyampaian idea yang koheren.

## **5.2 Instrumen Kajian**

Guru-guru telah berbincang dan memilih gambar-gambar yang sesuai untuk dijadikan alat kajian. Gambar-gambar tersebut merupakan gambar bertema dan relevan dengan kehidupan harian pelajar. Misalnya, gambar-gambar yang bertemakan Keluarga, Persahabatan, Adat dan Budaya Orang Melayu dan Alam Persekolahan. Penelitian kajian ini dijalankan secara berkumpulan dan juga secara individu. Rubrik pemarkahan juga dihasilkan untuk menyelaraskan sistem pemarkahan.

### **5.2.1 Berkumpulan**

Pelajar akan membuat lakaran minda dan mencatat idea-idea secara berkumpulan di kertas sebak yang disediakan guru. Lakaran minda akan dibentangkan dan guru akan memarkahinya berdasarkan rubrik yang telah dihasilkan. Di sini, jelas kelihatan pengetahuan sedia ada pelajar tersebut tentang gambar yang diberikan. Kebolehan pelajar menjana idea dan berfikir secara matang juga dapat dipantau.

### **5.2.2 Individu**

Selain itu, guru juga menyiapkan lembaran kerja yang berbentuk penyusunan grafik. Pelajar akan menggunakan lembaran kerja ini untuk mencatat idea serta pandangan mereka mengenai gambar yang diberikan. Pelajar akan lebih memahami dengan mendalam tentang perkara / isi yang dicatat.

Setelah itu, pelajar akan diuji secara lisan tanpa bantuan penyusunan grafik. Guru kemudiannya menilai pemahaman pelajar tentang perbincangannya dalam kumpulan berdasarkan gambar yang diberi. Pelajar akan diberi gred berdasarkan rubrik pemarkahan.

### **5.2.3 Bahan-bahan lain**

Selain alat ujian, guru juga telah menghasilkan alat ransangan yang berupa poster-poster berkenaan TJPSP@SPS dan menampalnya di bilik bahasa Melayu untuk merangsang minda. Contoh-contoh kertas sebak yang mengandungi lakaran peta minda pelajar juga telah ditampal di dinding-dinding di sekeliling kelas. Pelajar boleh merujuk pada contoh-contoh ini sebelum melakukan tugas individu dan kumpulan.

Slaid *powerpoint* juga telah dihasilkan untuk mengajar pelajar tentang pakej TJPSP@SPS. Slaid *powerpoint* ini ditayangkan kepada responden untuk memudahkan pemahaman sekali gus menghasilkan sesi pembelajaran yang lebih menarik dan efektif.

Pada akhir sesi kajian, pelajar diberikan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas mengenai teknik yang dijalankan.

## **5.3 Prosedur Kajian**

### **5.3.1 Pemerhatian Awal**

Penekanan komponen lisan bermula pada tahun 2012. Sebelum ini, pelajar sudah terbiasa dengan ujian lisan, iaitu pembacaan dan perbualan berdasarkan topik sahaja. Kini, penekanan komponen baharu diberikan kepada perbualan berdasarkan gambar, sesuatu yang pernah pelajar lalui semasa di sekolah rendah dahulu. Namun, perbualan berdasarkan gambar ini tidaklah semudah seperti yang dijangkakan pelajar. Pelajar harus berfikir secara analitikal

dan matang. Secara amnya, pelajar menghadapi kesukaran memberi penerangan yang kukuh dan bernas mengenai gambar yang diberi. Penerangan yang diberikan tidak dihuraikan dengan sewajarnya. Selain itu, pemeriksa menilai kebolehan pelajar mengembang isu dengan idea-idea yang auteteknik atau asli. Kebolehan pelajar berkomuninasi dan mengembang idea akan membezakan gred yang bakal diraih.

### **5.3.2 Perancangan & Pengumpulan Data**

Di peringkat ini, pelajar mengikuti pelajaran bahasa ibunda sebagai sebahagian daripada kurikulum yang diwajibkan. Pemilihan peringkat ini berdasarkan kepada perbincangan awal dan tinjauan oleh guru-guru daripada jabatan bahasa ibunda. Kumpulan ini dikenal pasti sejurus setelah guru didedahkan pada jadual pengkhususan yang baharu, termasuk komponen bagi lisan. Melalui penelitian dan perbincangan guru-guru yang terlibat, *UBD* dilihat mampu melahirkan satu rancangan pembelajaran (*lesson plan*) yang berkesan. Selain itu, penerapan kemahiran abad ke-21 dan *ICT* akan menyokong kajian ini.

### **5.3.3 Perlaksanaan dan Tindakan Susulan**

Perlaksanaan projek yang berlangsung selama beberapa minggu ini berlaku secara bertahap-tahap.

#### **5.3.3.1 Tahap 1**

- I. Menenal pasti kumpulan sasaran.
- II. Soal selidik pengetahuan sedia ada pelajar tentang lisan berdasarkan gambar.
- III. Penglibatan dan pembahagian tugas bagi semua guru-guru bahasa ibunda

#### **5.3.3.2 Tahap 2**

- I. Penghasilan Pakej Pembelajaran Lisan (TJPSP@SPS).
- II. Pelajar mencari data dan informasi melalui Internet dan laman sosial (*ICT*) berdasarkan gambar dan tema yang diberi.

#### **5.3.3.3 Tahap 3**

- I. Secara berpasangan, pelajar akan berbual tentang gambar tersebut secara bergiliran.
- II. Mereka boleh menggunakan maklumat yang diberi. Pelajar akan menilai kemahiran bertutur antara satu sama lain mengikut rubrik yang diberi guru.
- III. Beberapa pelajar akan dipilih guru untuk membuat pembentangan di hadapan kelas. Guru memberi komen serta maklum balas. Pada masa yang sama, pelajar digalakkan mengambil nota.

#### **5.3.3.4 Tahap 4**

- I. Pelajar diuji secara individu tentang gambar yang diberikan. Pelajar mempraktikkan kemahiran (bertutur, mengenal pasti fakta-fakta yang penting) yang diajar sebagai sebahagian daripada persiapan pemeriksaan lisan.
- II. Akhir sekali, dalam membantu pelajar menguasai teknik terkini, kelas-kelas bahasa
- III. Melayu telah diberi nafas baharu. Suasana pembelajaran dan pengajaran yang segar

- IV. termasuk pembikinan poster, mempamerkan tahap-tahap pendekatan TPJPSP@SPS dan soalan-soalan rangsangan dihias indah sebagai usaha merangsang minda.

## 6. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam melakarkan keseluruhan inti pati projek di atas, beberapa konsep pengajaran dan pembelajaran telah diteliti. Penyerapan kemahiran ke-21 yang mengambil kira tunjang-tunjang penting termasuk menjadikan seseorang itu pelajar sendiri, berkeyakinan, penyumbang yang aktif dan warga negara yang prihatin sebagai matlamat pada akhir pembelajaran. Akan tetapi, *UBD* dilihat sebagai cara penerapan yang paling berkesan.

Tiga tahap utama UBD ialah Hasil yang Diharapkan (*Disired Results*), Bukti Penilaian (*Assessment Evidence*) dan Rancangan Pembelajaran (*Lesson Plan*).

Soalan-soalan awal yang membangkitkan kepada persoalan genting termasuklah :

1. Apakah pendekatan yang mudah untuk pelajar memahami pengajaran lisan berdasarkan gambar?
2. Bolehkah pelajar berfikir secara matang?
3. Bagaimanakah pelajar boleh memberi hujah yang bernas?

Dapatan kajian melibatkan semua pelajar Menengah 2. Setelah dilakukan soal selidik pada awal usulan projek, didapati bahawa :

1. Pengetahuan pelajar tentang pembelajaran lisan berdasarkan gambar kurang memuaskan.
2. Keluarga kurang memainkan peranan dalam memastikan pelajar dapat berkomunikasi dengan baik dan fasih, khususnya dalam bahasa Melayu baku.
3. Sekolah dan guru sebagai institusi dan individu berwibawa, boleh memainkan peranan dalam meningkatkan kemahiran berfikir dan bertutur secara efektif.

Jadual 1 : Pencapaian Pelajar

Aliran	Bilangan pelajar	Bilangan pelajar mendapat kepujian 2012	Bilangan pelajar mendapat kepujian 2013	Peratusan kepujian 2012	Peratusan kepujian 2013
2E	20	4	10	20%	50%
2NA	13	2	5	15.4%	38.5%

Jadual 1 menunjukkan peningkatan jelas akan kemajuan yang dicapai bagi ujian lisan bahasa Melayu di Sekolah St Patrick's. Pelajar di dapati lebih terarah semasa menjawab soalan. Ini kerana adanya soalan bimbingan (*guided questions*) untuk disesuaikan dengan apa juga bentuk perbincangan yang diutarakan. Keberkesanan pendekatan **TJPSP@SPS** dapat dilihat khususnya setelah pelajar berjaya kuasai komponen **SP**(Sebelum dan Sesudah serta Pengalaman & Pengajaran) **TJPSP@SPS**. Sebelum ini, pelajar hanya menguasai komponen **TJP** iaitu **T**ema, **J**ejari dan **P**erkara **M**enarik. Dengan pendekatan baharu ini, idea yang

disampaikan dapat dicernakan atau dikembangkan dengan lebih terperinci. Ini sekaligus menunjukkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Selain itu, guru gunakan teknik latih tubi iaitu mengingat akronim TJPSP@SPS sebagai salah satu strategi penghafalan.

Bagi membantu pelajar mengingat akronim TJPSP@SPS, unit Bahasa Melayu St Patrick's telah mengambil inisiatif untuk mengubah suai kelas Bahasa Melayu dengan mempamerkan poster-poster serta soalan-soalan rangsangan. Langkah ini terbukti berkesan berdasarkan data dapatan kajian yang tertera di atas.

## **7. KESIMPULAN**

Kajian yang dijalankan ini memaparkan keberkesanan teknik akronim TJPSP@SPS dalam menyampaikan idea secara lisan dengan baik dan tersusun. Teknik akronim merupakan satu teknik mengekalkan daya ingatan dengan menggabungkan huruf pertama setiap perkataan atau perkara yang ingin diingati. Dengan menggabungkan setiap huruf pertama menjadi TJPSP@SPS, penyerapan idea bertambah mudah.

Dengan perancangan yang teliti serta penglibatan semua guru bahasa Melayu di Sekolah St Patrick's, pakej yang dirancang dan dijalankan secara sistematik telah membuahkan hasil dan dapat dilihat melalui keputusan ujian lisan yang dijalankan.

### **7.1 Respons pelajar**

Berikut adalah beberapa respons pelajar mengenai pengajaran yang dijalankan:

1. Teknik TJPSP@SPS telah membantu pelajar untuk menyusun dan menghuraikan idea dengan lebih baik serta bersistematik.
2. Teknik akronim ini memudahkan pelajar mengingat perkara-perkara penting yang perlu dihuraikan supaya perbincangan berdasarkan gambar dapat dilakukan secara menyeluruh.
3. Keberkesanan dapat dilihat semasa pelajar menyiapkan tugas perbualan berdasarkan gambar secara bertulis dalam berkumpulan, dan ujian lisan secara individu yang telah dijalankan oleh guru.

### **7.2 Respons guru**

Berikut adalah respons guru mengenai program yang dijalankan.

1. Pemantauan isi yang dihuraikan oleh pelajar dapat dilakukan dengan lebih mudah dan berstruktur.
2. Sistem pemarkahan dapat dilakukan dengan lebih berkesan berdasarkan isi yang dihuraikan oleh pelajar.
3. Guru dapat mengenalpasti kelemahan pelajar dan membantu secara spontan.
4. Keberkesanan teknik terkini dapat dilihat dengan agak jelas.

## **8. CADANGAN & RANCANGAN SETERUSNYA**

Teknik TJPSP@SPS boleh diterapkan dan digunakan untuk mengajar perbualan berdasarkan gambar oleh unit-unit bahasa ibunda yang lain supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar di St. Patrick's. Satu projek bakal dilakarkan oleh Jabatan Bahasa Ibunda dan direalisasikan pada tahun 2014.



## 9. RUJUKAN

- Abbas Mohd Shariff (2006). *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Singapura: Alfa Media Singapore.
- Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo (2010). *Enhancing Speaking Skills*. University Publication Centre, UiTM.
- Kamarudin Hj Husin (2001). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budi Sdn. Bhd.
- Kamsiah Abdullah (2000). *Sikap Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Angkatan Sastera 50.
- Miller, George (1956). The Magical Number Seven, Plus or Minus Two: Some Limits on Our Capacity for Processing Information. *Psychological Review*, vol. 101, no. 2 (Apr 1994), p. 343.
- Muhammad Ariff Ahmad (1993). *Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura dalam Pesan: Kumpulan Makalah Sempena Bulan Bahasa 1993*. Singapura: Jawatankuasa Bulan Bahasa 1994.
- Muslizaira Mustapha (2011). *Laporan Kajian Tindakan dalam Pendidikan: Penggunaan Akronim untuk Meningkatkan Peningkatan Fakta*. Malaysia.
- Noraini Ahmad (2003). *Menguatkan Ingatan*. Malaysia: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Osman Affan (2010). *Teknik Memori: Smartstudy*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sue Palmer (2011). *Speaking Frames: How to Teach Talk for Writing*. Amerika: MPG Books Group.

### Sumber Elektronnik

- Muslizaira Mustapha (2011). *Laporan Kajian Tindakan dalam Pendidikan : Penggunaan Akronim untuk Meningkatkan Peningkatan Fakta*. Malaysia. Dipetik daripada: <http://www.slideshare.net/ZUZANMICHAEL/kajian-tindakan-penggunaan-akronim-untuk-meningkatkan-peningkatan-fakta-sejarah-bagi-pelajar-tingkatan-dua> pada 24 Jan 2013.